

**TEKS UCAPAN PERASMIAN PENUTUP**  
**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**

**PERTANDINGAN *WORLD SKILLS* MALAYSIA BELIA (WSMB)  
PERINGKAT AKHIR TAHUN 2015  
AKADEMI BINAAN MALAYSIA (ABM) WILAYAH SELATAN  
JOHOR BAHRU**

**5 OKTOBER 2015**

---

YB Datuk Rosnah Bte Abdul Rashid Shirlin  
Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Prof. Ir. Dr. Judin Bin Abd. Karim  
Ketua Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Industri dan Pembinaan Malaysia

YBrs. Encik Abdul Razak Bin Jaafar  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)  
Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamualaikum WBT, Salam sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

1. Alhamdulillah, segala puji-pujian dan rasa syukur dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana pada hari ini, dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bertemu dalam Pertandingan *WorldSkills* Malaysia Belia (WSMB) peringkat akhir, acara yang berlangsung mulai 2 hingga 6 Oktober 2015.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

2. Pembangunan modal insan dan pembangunan belia merupakan dua elemen utama yang amat penting dalam membawa negara kita kepada status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Kejayaan sektor industri bukan sahaja bergantung kepada faktor kos tetapi juga kepada kemahiran tenaga kerja negara. Dalam hal ini, kemahiran tenaga kerja golongan belia berkeupayaan memacu operasi industri dan perniagaan.

3. Selain itu, cabaran-cabaran daripada proses liberalisasi juga dilihat kini memberi tekanan kepada banyak negara termasuk Malaysia ke arah memperkasa dan meningkatkan kapasiti kemahiran belia dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara. Kebanyakan sektor pekerjaan di luar negara telah lama memberi fokus kepada sektor tenaga berkemahiran teknikal dan vokasional dalam pelan pembangunan modal insan. Negara kita juga tidak ketinggalan dalam memantapkan pembangunan modal insan terbaik di bidang teknikal dan vokasional bagi menyokong pembangunan industri dan penguasaan teknologi, seterusnya mengurangkan kebergantungan terhadap teknologi dan kemahiran dari negara luar.

4. Bagi tujuan itu, adalah penting bagi semua pihak dalam negara kita mengubah pemikiran terhadap sektor pendidikan teknikal dan vokasional yang sering dianggap sebagai sektor pendidikan kelas kedua. Menyedari hakikat ini, Rancangan Malaysia Ke-11 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib Tun

Abdul Razak, memberi penekanan khusus untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan modal insan berkemahiran tinggi menjelang tahun 2020.

5. Melalui pembangunan modal insan ini, dalam Rancangan Malaysia ke-11, sebanyak 1.5 juta pekerjaan baharu dijangka akan diwujudkan di mana lebih 60 peratus daripadanya memerlukan kelayakan berkaitan Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Ini menunjukkan TVET akan menjadi platform penting bagi meningkatkan jumlah tenaga kerja mahir dalam hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

6. Kementerian Kerja Raya, melalui Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Akademi Binaan Malaysia (ABM), amat komited dalam usaha Kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi sektor pembinaan. Usaha ini diteruskan dengan pelancaran Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 10 September 2015. Program tersebut, yang merupakan sebahagian daripada inisiatif Rancangan Malaysia Ke-11, menggariskan 4 teras strategik iaitu kualiti, keselamatan dan profesionalisme, kelestarian alam sekitar, produktiviti dan pengantarabangsaan bagi mentransformasi sektor pembinaan negara dalam tempoh lima tahun akan datang.

7. Penggunaan teknologi maju seperti BIM (*building information modelling*) dan IBS (*industrialised building system*) dalam sektor pembinaan secara meluas merupakan salah satu aktiviti yang digariskan dalam CITP. Usaha ini dapat memastikan industri pembinaan negara dapat mencapai kualiti pembinaan yang terbaik selain mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja asing. Bagi mencapai hasrat

tersebut, tenaga kerja tempatan yang berkemahiran tinggi amat diperlukan dan salah satu platform untuk memenuhi keperluan tersebut adalah melalui pertandingan kemahiran teknikal yang diiktiraf sama ada di peringkat nasional ataupun antarabangsa.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

8. Penganjuran Pertandingan Kemahiran Malaysia yang juga kini dikenali sebagai *Worldskills Malaysia Belia* (WSMB) dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Kerja Raya (KKR). Ia melibatkan 9 bidang kemahiran iaitu *welding, electrical installations, plumbing & heating, bricklaying, painting & decorating, joinery, wall & floor tiling, refrigeration & air conditioning* dan *mechanical engineering design*.

9. Pertandingan ini terbahagi kepada dua peringkat iaitu pra-kelayakan dan pertandingan akhir. Peringkat pra-kelayakan bertujuan memilih 15 peserta terbaik dalam setiap bidang untuk bertanding dalam peringkat akhir. Manakala peringkat akhir pula akan menentukan peserta yang terbaik dalam setiap bidang kemahiran untuk mewakili negara di peringkat antarabangsa.

10. WSMB peringkat pra-kelayakan tahun 2015 telah diadakan di Akademi Binaan Malaysia, Wilayah Selatan dari 2 hingga 5 April 2015 untuk 7 bidang kemahiran iaitu *welding, electrical installations, plumbing & heating, refrigeration & air conditioning, bricklaying, wall & floor tiling* dan *painting & decorating*. Manakala pertandingan untuk bidang *mechanical engineering design* telah diadakan di UniKL, Bangi dan

bidang *joinery* telah diadakan di *Wood Industry Skills Development Centre* (WISDEC) di Banting, Selangor dari 27 hingga 30 April 2015.

11. WSMB peringkat akhir tahun 2015 yang diadakan melibatkan 9 bidang kemahiran sedia ada dan 3 bidang kemahiran tambahan turut dipertandingkan iaitu *scaffolding erection, mobile crane operation dan rooftruss installation* yang merupakan bidang yang berpotensi dalam industri pembinaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

12. Pertandingan *World Skills Competition 2015* yang telah diadakan di Sao Paulo, Brazil baru-baru ini merupakan platform yang memberi peluang kepada golongan belia negara kita untuk mempamerkan kemahiran dan kebolehan mereka di arena antarabangsa, khususnya dalam bidang teknikal. Di samping menimba pengalaman bertanding di peringkat antarabangsa, kemahiran yang diperolehi daripada pertandingan ini juga menjadi pelengkap ilmu pengetahuan dan sinergi bagi menyediakan belia negara untuk menghadapi cabaran pada masa yang akan datang.

13. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada peserta pertandingan *WorldSkills* di Sao Paulo di atas kejayaan memperoleh 5 *medallion of excellence* dalam bidang-bidang melibatkan sektor pembinaan. Semoga kejayaan ini akan menjadi pendorong untuk meningkatkan lagi usaha bagi meraih lebih banyak kejayaan pada masa akan datang.

14. Pertandingan *Asean Skills Competition* (ASC) akan diadakan pada tahun 2016, dan Malaysia telah dipilih sebagai tuan rumah kepada pertandingan itu. Pertandingan ini akan disertai oleh 10 buah negara ASEAN dari 19 hingga 29 September 2016 di *Malaysia Agro Exposition Park*, Serdang melibatkan 30 bidang kemahiran.

15. Oleh yang demikian, saya berharap para peserta yang berjaya akan dapat bertanding di peringkat ASEAN dan mencapai kejayaan yang besar semasa pertandingan itu kelak terutama dalam bidang-bidang TVET melibatkan Kementerian Kerja Raya. Kejayaan ini dapat diteruskan di peringkat *World Skills Competition* yang akan diadakan pada tahun 2017 di Abu Dhabi, United Arab Emirates.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

16. Secara rumusannya, hasil pertandingan *World Skills* di peringkat nasional dan seterusnya di rantau ASEAN serta antarabangsa penting untuk kita memperkukuh dan memantapkan sistem latihan teknikal dan latihan vokasional negara dengan menjadikan tahap kompetensi belia yang bertanding sebagai penanda aras.

17. Saya juga amat bangga melihat prestasi yang dipamerkan oleh peserta kita sepanjang pertandingan ini berlangsung. Saya yakin matlamat Wawasan 2020 dapat dicapai dengan adanya golongan belia yang berkemahiran tinggi dan berkebolehan seperti tuan-tuan dan puan-puan.

18. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ingin saya rakamkan kepada Kementerian Kerja Raya, CIDB dan ABM, selaku

penyelaras utama, serta semua pegawai dan kakitangan daripada pelbagai agensi dan jabatan merangkumi tenaga pakar, pengajar, hakim dan penilai termasuklah penaja pertandingan yang telah bersama-sama berganding bahu tanpa mengenal penat lelah dalam usaha menjayakan pertandingan pada kali ini.

19. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat maju jaya kepada peserta dan pihak yang terlibat dalam pertandingan ini. Marilah kita bersatu hati dan berjuang bersama-sama dalam memacu kemajuan negara kita melalui bidang kemahiran ini.

20. Dengan lafaz *bismillahirrahmanirrahim*, saya merasmikan Majlis Penutup Pertandingan *WorldSkills* Malaysia Belia Peringkat Akhir Tahun 2015.

Sekian. *Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Kementerian Kerja Raya  
September 2015